


Akhbar “Singapore Standards” yang dimodali oleh Tuan Oh Bun Ho di dalam dua perkara yang mengenai Islam sudah terang menunjukkan belangnya menjadi musuh orang Islam yang pertama apabila Zahrah yang tergamak menyalahkan hukum Islam itu telah dikatakannya perempuan progresif sedang orang-orang Islam lain adalah kolot dan kuno. Ia mencampuri perkara yang tidak diketahuinya lalu menuduh orang yang kedua ia telah menyiarkannya gambar-gambar yang palsu yang sengaja disiarkannya yang nampaknya mengikut kemahuan Kounsel Belanda menyiarkan perkara yang sengaja untuk menyakitkan hati orang Islam dengan mengadakan barang yang tiada. Ini sudah terang bahawa dasar “Singapura Standards” itu berat sebelah! Bagaimana cara kita melayannya – yang demikian adalah terpulang kepada kaedah masing-masing kaum Muslimin yang beriman menghadapi orang yang sengaja memusuhiinya. Di sini zahir rupanya sifat wartawan Singapore Standards tak jujur.



KOPI PAHIT

sedang orang Malayan atau Malaya bersukaria bertindak di dalam tempat orang Melayu yang kaya raya. Demikianlah kalau hendak memandang jauh itu mesti diingat, pandang ke bawah dahulu supaya jangan tercebur. Kalau Hang Tuah dikatakan berpepatah “tidak Melayu hilang di dunia” nampaknya Dato’ Onn yang pada suatu masa pernah khabarnya digelar “Hang Tuah” zaman moden tatkala mendirikan UMNOnya dahulu sekarang patut membuat pepatah baharu “Melayu hilang di dunia” syabas !!!

-----*-----*

Kita bersama-sama menyertai ucapan tahniah orang kenik kepada hantu Wak Ketuak atas keberaniannya “Menyembah” Kounsel Belanda yang demikian dilakukannya barangkali oleh kerana tersesak tak dilayan jalan lagi syabas hantu Wak Ketuak nampaknya terpaksa sujud kerana “Menebus” dosanya. Orang semuanya sehari sebelum ia “Menyembah” ini sudah menuduh bahawa Hantu Wak Ketuak ini tak tetap perdiriannya, sekejap berpura-pura menyokong Islam dan

sekejap lain, dengan tidak ada ulasannya menyiarkan gambar-gambar “Aneh” itu orang-orang pandang “Perkkas” propaganda Kristian harus juga ini yang menjadi sebabnya Kaunsel Belanda menerima “Sembahannya” oleh kerana Kounsel Belanda menyangka hantu Wak Ketuak itu sudah menjadi sahabatnya dengan kerana suka menyiarkan gambar yang “Aneh” itu tetapi malang bagi kaunsel Belanda itu kerana ia belum tahu siapa hantu Wak Ketuak itu kerana hantu Wak Ketuak telah berpaling tадah barangkali masa itu ia teringat perbuatannya berdosa kepada bangsanya. Mengenal hantu Wak Ketuak itu memang payah sebab maklumlah tabiat hantu itu boleh mengubah-ubah dirinya sekejap boleh berserban dan sekejap lagi boleh jadi gagak hitam. Ini kebiasaan dilakukan oleh orang yang tidak ada berpendirian jadi kalau begitu patut dipuji orang kenik yang tetap perdiriannya beriman kepada Islam itu – cemeti Al-Farouk.

Dato’ Onn nampaknya telah sebat dengan perasaan kemahuan Dato’-Dato’ Tan Cheng Lock dan Thuraisingham menghendaki supaya orang Melayu dileburkan menjadi bangsa Malayan atau Malaya di dalam negeri orang Melayu. Apabila tersiar cita-cita Dato’ Onn itu dalam akhbar Straits Times 21 November 1950 maka apalagi orang-orang Malayan pun dengan serta merta menyambut dan memuji Dato’ Onn sebagai seorang Melayu yang “jauh pandangan” dan melihat kepada kebaikan Malaya untuk masa yang akan datang – ingat Malaya, bukan Melayu. Kita takut kerana terlampaui jauh sangat memandang, nanti pergi yang di hadapan tak nampak dan kesudahannya orang Melayu masuk pergi dibawa oleh Dato’ Onn, tenggelam dalam buminya